

PERATURAN PERTANDINGAN BOLA SEPAK PANTAI

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan UiTM *Lions League* Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa atau (FIFA) hendaklah diikuti atau yang telah diputuskan semasa mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan.
- 1.3 Pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan ini secara otomatis mematuhi perkara berikut :-
 - 1.3.1 Menerima keputusan kepengadilan berkaitan pertandingan yang telah diputuskan.
 - 1.3.2 Menerima semua kemudahan yang disediakan oleh penganjur.
 - 1.3.3 Mematuhi dan menghormati motto "Fair Play"

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1. Perkara 4.0. di dalam Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan UiTM *Lions League* 2024 Universiti Teknologi MARA adalah di rujuk.
- 2.2. Bilangan
Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari 10 orang dalam Borang Pendaftaran Pasukan.
- 2.3. Kelayakan
Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam Borang Pendaftaran Perlawanan tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 2.4. Borang Pendaftaran Pasukan
Borang Pendaftaran Pasukan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan diserahkan kepada Jawatankuasa Pertandingan pada hari Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan.
- 2.5. Borang Pendaftaran Perlawanan
Borang Pendaftaran Perlawanan yang mengandungi senarai nama pemain dan pemain simpanan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan 15 minit sebelum permainan bermula.

3.0 PAKAIAN/ALAT

- 3.1 Pakaian
Sekiranya terdapat persamaan warna jersi antara dua pasukan yang akan bertanding, pasukan yang namanya dicatat dahulu dalam jadual pertandingan dikehendaki menukar warna jersi yang lain.
- 3.2 Alatan
Bola perlawanan akan disediakan oleh pihak penganjur.
- 3.3 Jersi pasukan hendaklah mempunyai nombor.

4.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

4.1 Secara Liga

- 4.1.1 Cara memberi mata : Menang - 3 mata
Seri - 1 mata
Kalah - 0 mata

4.2 Jika terdapat mana-mana pasukan digantung atau menarik diri dari pertandingan atas apa sebab jua pun, mata dan jaringan gol yang masuk atau kena tidaklah diambil kira.

4.3 Jika dua atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

- 4.3.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang.
4.3.2 Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol akan dikira menang.
4.3.3 Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya diambil kira.
4.3.4 Jika masih seri, tendangan penalti mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa akan dijalankan untuk menentukan pemenang.

5.0 BILANGAN PEMAIN YANG MENCUKUPI

5.1 Sekiranya kurang dari 3 orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu dijadualkan, maka pasukan yang mempunyai 3 orang atau lebih di padang hendaklah diberi kemenangan percuma dengan jaringan gol dua kosong (3 - 0).

5.2 Jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan 3 orang pemain atau lebih apabila pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu dijadualkan, maka pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola yang akan mengambil tindakan yang difikirkan patut.

6.0 MASA BERMAIN

6.1 Masa

- 6.1.1 Tiap-tiap pasukan mestilah berada di padang permainan 15 minit sebelum masa yang ditetapkan bagi pertandingan.
6.1.2 Satu masa tidak lebih daripada 5 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat. Selepas daripada masa itu, pasukan tersebut dikira kalah.
6.1.3 Masa bermain ialah (7 minit – 2 minit – 7 minit) untuk bagi peringkat kumpulan dan (10 minit – 3 minit – 10 minit) bagi peringkat separuh akhir dan akhir.

7.0 PERTUKARAN

- 7.1 Pertukaran pemain boleh di buat pada bila-bila masa termasuk masa tambahan
7.2 Sistem keluar masuk (Rolling Substitute) akan digunakan

8.0 KELEWATAN

Masa selama 5 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan 3 mata kemenangan dan bilangan 3 - 0.

9.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya perlawanan diberhentikan akibat hal-hal yang di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

10.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.